

05 OCT 1997

Mahathir-Tilawah

KERUNTUHAN MORAL HENDAKLAH DIBENDUNG, KATA DR MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, 5 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keruntuhan moral dalam masyarakat khususnya muda mudi yang bakal memimpin negara hendaklah dibendung dari awal supaya ia tidak menjadi lebih parah.

Perdana Menteri berkata sejarah membuktikan bahawa negara yang gagah dan kukuh akan hancur akhirnya kerana mempunyai pemimpin yang akhlaknya rosak.

Oleh itu semua pihak sudah sewajarnya memberi perhatian serius dalam perkara ini, kata Dr Mahathir dalam kata-kata aluan sempena majlis Tilawah Al Quran Peringkat Kebangsaan ke-40 yang akan diadakan di sini mulai malam esok.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual merasmikan majlis tilawah itu yang akan berlangsung di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah selama lima hari.

Dr Mahathir berkata langkah yang paling bijak ialah dengan memastikan akhlak yang baik itu dipupuk dalam kehidupan berkeluarga kerana dari sinilah akan lahir individu-individu yang bakal menjadi pemimpin masyarakat dan negara.

Beliau berkata dalam Al-Quran, banyak dihuraikan mengenai akhlak-akhlak yang mulia, maka setiap individu Muslim hendaklah mengambil daya usaha untuk mendalami isi kandungan Al-Quran.

"Dengan ini diharapkan umat Islam di negara ini akan terpelihara akhlaknya dalam mengejar kemajuan dan mencapai matlamat Wawasan 2020," katanya.

Dr Mahathir berkata tema majlis tilawah kali ini "Akhlak Mulia Umat Sejahtera" amat sesuai dengan masa kini kerana kerajaan dan Islam mengharapkan setiap individu mengamalkan akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian.

"Hanya dengan akhlak yang mulia, kesejahteraan umat dapat dikecapi di dunia dan akhirat," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

IB MAI